

KONSEP KENDIRI LELAKI LEMBUT MELALUI PENEROKAAN TEKNIK LUKISAN PROJEKTIF

MOHD RADHI BIN ABU SHAHIM

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk memahami konsep kendiri lelaki lembut melalui penerokaan teknik lukisan projektif elemen Rumah, Pokok, Orang (RPO). Seramai empat puluh orang peserta kajian dari salah sebuah Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) yang terdiri daripada dua puluh orang sampel kajian lelaki lembut dan dua puluh orang sampel kawalan yang dipilih secara rawak telah dikenalpasti. Kaedah pemerhatian digunakan berdasarkan lapan kriteria yang telah diguna pakai dalam kajian lepas untuk memilih peserta kajian lelaki lembut, manakala pentafsiran lukisan projektif elemen Rumah, Pokok, Orang (RPO) berdasarkan buku manual panduan *Kinetic-House-Tree-Person Drawing* dan *Personality Projection in The Drawing of Human Figure*. Analisis berdasarkan pentafsiran simbol-simbol lukisan yang terdapat pada struktur dan bentuk elemen gambar Rumah, Pokok, Orang (RPO). Dapatan kajian mendapati bahawa lukisan projektif elemen Rumah, Pokok, Orang (RPO) dapat merungkai konsep kendiri lelaki lembut dan konsep kendiri mempunyai hubung kait dengan perhubungan dalam keluarga terutama bapa kepada peserta kajian lelaki lembut. Kajian ini memberi implikasi kepada penerokaan konsep kendiri lelaki lembut, iaitu dapat mengenali potensi diri yang boleh dipertingkatkan dan memperbaiki kelemahan yang wujud pada diri mereka.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SELF-CONCEPT EFFEMINATE MAN THROUGH EXPLORATION OF PROJECTIVE TECHNIQUE

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

ABSTRACT

This study is intended to understand the effeminate man self-concept through projective technique drawing exploration of House, Tree, Person (HTP). Forty participants from Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) consisting of twenty effeminate man samples and twenty randomly selected controlled samples have been identified. Observation method is used based on identified have been eight criterion that have been applied in previous studies to select a effeminate man study participant, while the interpretation of projective drawing element House, Tree, People (HTP) based on the manual guide Kinetic-House-Tree-Person Drawing, and Personality Projection in the Drawing of the Human Figure. The analysis is based on the interpretation of symbols of the structure and shape of the House, Tree, Person (HTP). The result has shown that projective drawing element of Houses, Trees, Person (HTP) is able to unravel effeminate man self-concept which has relations in the family, especially the father of the effeminate man study participants. This study has implications in the self-concept exploration of effeminate man to identify own potential to develop and is able to overcome weakness that exist in them.

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

KANDUNGAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Muka Surat

PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	2
1.3 Pernyataan masalah	11
1.4 Objektif kajian	15
1.5 Soalan kajian	15
1.6 Kepentingan kajian	16
1.7 Skop dan batasan kajian	17
1.8 Definisi operasional	18
1.8.1 Lelaki lembut	18
1.8.2 Konsep kendiri	18
1.8.3 Teknik lukisan projektfif	19



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.9	Kerangka konsep kajian	20
-----	------------------------	----

BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	22
--------------	---------------------------	----

2.1	Pengenalan	22
-----	------------	----

2.2	Teori-teori	23
-----	-------------	----

2.2.1	Teori peranan jantina	23
-------	-----------------------	----

2.2.2	Teori konsep kendiri	29
-------	----------------------	----

2.2.3	Teori teknik lukisan projektif	34
-------	--------------------------------	----

2.3	Tinjauan kajian-kajian lepas	36
-----	------------------------------	----

2.3.1	Kajian-kajian lepas lelaki lembut atau transeksual	36
-------	----------------------------------------------------	----

2.3.2	Kajian-kajian lepas konsep kendiri	46
-------	------------------------------------	----

2.3.3	Kajian-kajian lepas teknik lukisan projektif	48
-------	----------------------------------------------	----

2.4	Rumusan	53
-----	---------	----

BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	55
--------------	--------------------------	----

3.1	Pengenalan	55
-----	------------	----

3.2	Reka bentuk kajian	56
-----	--------------------	----

3.3	Tempat kajian dan persampelan	56
-----	-------------------------------	----

3.4	Batasan kajian	57
-----	----------------	----

3.5	Instrumen kajian	58
-----	------------------	----

3.6	Kajian rintis	58
-----	---------------	----

3.7	Tatacara pengumpulan data	59
-----	---------------------------	----

3.7.1	Pemerhatian	59
-------	-------------	----

3.7.2	Teknik lukisan projektif	60
-------	--------------------------	----

3.7.3	Kajian dan karya lepas	63
 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi		
3.8	Tatacara penganalisan data	64
3.8.1	Pemerhatian	64
3.8.2	Teknik lukisan projektif	65
3.9	Rumusan	67
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	67
4.1	Pengenalan	67
4.2	Maklumat peserta kajian	68
4.3	Pentafsiran lukisan projektif struktur dan bentuk	69
4.3.1	Rumusan pentafsiran lukisan projektif struktur dan bentuk	74
4.4	Pentafsiran lukisan projektif elemen Rumah	76
4.4.1	Rumusan pentafsiran elemen Rumah	80
4.5	Pentafsiran lukisan projektif elemen Pokok	82
4.5.1	Rumusan pentafsiran elemen Pokok	86
4.6	Pentafsiran lukisan projektif elemen Orang	87
4.6.1	Rumusan pentafsiran elemen Orang	96
4.7	Analisis kajian	97
4.7.1	Analisis konsep kendiri lelaki lembut	97
4.7.2	Analisis hubung kait konsep kendiri lelaki lembut dengan perhubungan keluarga	102
4.7.3	Analisis hubung kait konsep kendiri lelaki lembut dengan lakaran lukisan projektif	104
4.8	Rumusan	107

BAB 5  05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi **109**

5.1	Pengenalan	109
5.2	Ringkasan kajian	110
5.3	Perbincangan kajian	111
5.4	Implikasi kajian	114
5.5	Cadangan kajian	115
5.6	Cadangan kajian lanjut	118
5.7	Kekangan kajian	119
5.8	Rumusan	120

RUJUKAN **122**

 **LAMPIRAN**  05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  PustakaTBainun  ptbupsi **130**

Muka Surat**Jadual**

4.1	Analisis bilangan peserta dan peratusan peserta kajian	68
4.2	Analisis bilangan peserta dan peratusan peserta kajian mengikut bangsa	68
4.3	Analisis bilangan peserta dan peratusan peserta kajian mengikut agama	68
4.4	Analisis bilangan peserta dan peratusan peserta kajian mengikut umur	69
4.5	Analisis bilangan peserta dan peratusan lukisan projektif struktur dan bentuk keseluruhan lukisan sampel kajian (lelaki lembut)	70
4.6	Analisis bilangan peserta dan peratusan lukisan projektif struktur dan bentuk keseluruhan lukisan sampel kawalan (lelaki normal)	72
4.7	Analisis bilangan peserta dan peratusan lukisan projektif elemen Rumah sampel kajian (lelaki lembut)	77
4.8	Analisis bilangan peserta dan peratusan lukisan projektif elemen Rumah sampel kawalan (lelaki normal)	79
4.9	Analisis bilangan peserta dan peratusan lukisan projektif elemen Pokok sampel kajian (lelaki lembut)	82
4.10	Analisis bilangan peserta dan peratusan lukisan projektif elemen Pokok sampel kawalan (lelaki normal)	84
4.11	Analisis bilangan peserta dan peratusan lukisan projektif elemen Orang sampel kajian (lelaki lembut)	87
4.12	Analisis bilangan peserta dan peratusan lukisan projektif elemen Orang sampel kajian (lelaki normal)	91

SENARAI RAJAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka konsep kajian	20
-----	------------------------	----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI SINGKATAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BSTc	-	<i>Nukleus' Thestria Therminalis</i>
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	-	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
KIJ	-	Kecelaruan Identiti Jantina
LGBT	-	Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender
MRSM	-	Maktab Rendah Sains MARA
PON	-	<i>Pre-Optic Nucleus</i>
RPO	-	Rumah, Pokok, Orang
UPM	-	Universiti Putra Malaysia
UPSI	-	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	-	Universiti Sains Malaysia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

- 1 Lukisan projekatif peserta kajian
- 2 Borang senarai semak lukisan projekatif Rumah-Pokok-Orang (RPO)
- 3 Borang pemerhatian peserta kajian (lelaki lembut)
- 4 Borang maklumat peserta



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Setiap tahun Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM) akan sibuk dengan pendaftaran kemasukan pelajar baru yang datang daripada pelbagai negeri dan latar-belakang. Boleh dikatakan setiap seorang daripada mereka memiliki personaliti yang berbeza dari aspek tingkah laku sehinggalah cara berpakaian dan pergaulan.

Dalam ribuan warga MRSM ini, wujud sekumpulan pelajar yang mempunyai keterampilan berbeza dengan pelajar lain, sehingga mencetuskan konflik identiti. Kebiasaannya, kumpulan ini memiliki identiti di luar norma-norma pelajar biasa. Kumpulan ini tampil dengan perwatakan, tingkah laku dan gaya yang berlawanan dengan fenomena biasa. Misalnya, pelajar lelaki cenderung bertingkah laku seperti perempuan yang dikenali sebagai pelajar lembut dan sebaliknya pelajar perempuan berpakaian mengikut fesyen dan gaya kelelakian yang digelar sebagai pelajar keras. Dalam psikologi, fenomena ini dikaitkan dengan aspek transeksualiti.

Bab ini akan membincangkan beberapa aspek yang berkaitan dengan latarbelakang kajian, pernyataan masalah, soalan kajian, kepentingan kajian, kerangka koseptual, skop dan batasan kajian dan definisi operasional.

1.2 Latar belakang kajian

Fenomena lelaki lembut atau lebih dikenali sebagai Mak Nyah, Pondan, Bapok dan Transeksual sudah wujud sejak lama dahulu. Fenomena ini telah dikesan dalam ketamadunan di seluruh dunia dan fenomena ini bukan unik kepada negara-negara tertentu, termasuklah di Malaysia sendiri (Mohd Yusman Awang, 2004).

Isu lelaki lembut ini pernah dicetuskan oleh Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang meminta semua Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Negara ini memberi perhatian yang serius terhadap peningkatan jumlah pelajar lelaki lembut di kampus masing-masing. Menurut beliau, fenomena tersebut adalah perlu diperbetulkan kerana jika dibiarkan akan membawa limpahan masalah sosial pada generasi akan datang. Jelasnya lagi, peningkatan jumlah pelajar lelaki lembut ditambah dengan jurang kemasukan antara pelajar lelaki dan perempuan yang besar di IPT terutama melalui sistem meritokrasi akan memberi kesan kepada profil serta persekitaran sosial masyarakat pada jangka panjang (Siti Zaharah Sulaiman, 2003).

Fenomena lelaki lembut juga menjadi isu yang lebih tergempar apabila golongan ini disalah erti dan sering dikaitkan dengan golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) yang sedang menular dalam budaya Malaysia baru-baru ini. Isu LGBT juga pernah diberi perhatian khusus oleh Timbalan Menteri Pelajaran yang berkata sudah sampai masanya isu LGBT ini dibincang secara terbuka dan tidak dianggap sebagai ‘*taboo*’ (pantang larang) dan beliau tidak mahu gejala itu bermula dari alam persekolahan yang akan membawa masalah lebih besar jika tidak dibendung. (Mohd Puad Zarkashi, 2012). Menurut kajian yang dijalankan oleh Mohd Ariff Ahmad Tarmizi yang merupakan Perunding Psikologi Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dalam akhbar Utusan Malaysia bertarikh 25 November 2005, mendapati bahawa fenomena lelaki ingin menjadi perempuan semakin serius berlaku dalam kalangan pelajar lelaki, khususnya yang tinggal di asrama sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Analisis data hasil kajian itu mendapati terdapat 5 hingga 10 peratus golongan homoseksual wujud di sekolah dan IPT dan rata-ratanya beragama Islam.

Lelaki lembut atau transeksual juga dikenali dengan Kecelaruan Identiti Jantina (KIJ). Fenomena ini berkait dengan beberapa masalah psikologikal. Dalam erti kata lain, individu transeksual memiliki identiti jantina yang bertentangan dengan anatomi seks fizikal yang mereka ada. Kenyataan ini disokong Durand dan Burlow (2006) dalam kajian yang dijalankan oleh Roseliza Murni Ab. Rahman (2006) yang menyatakan transeksual atau kini dikenali sebagai kecelaruan identiti jantina melibatkan ketidakpuasan dari segi psikologikal terhadap jantina biologikal. Banyak kajian lepas menggunakan terma *gender dysphoria* bagi menerangkan fenomena transeksual. Ia membawa maksud kesedihan yang keterlaluan serta ketidaksesuaian antara jantina fizikal dengan peranan jantina yang sepatutnya dimainkan. Faktor-faktor tersebut menyebabkan wujud ketidaksamaan penampilan berpakaian, cara fikir,

Faktor penyebab KIJ tidak diketahui secara khusus tetapi bagi kebanyakan kes ia disebabkan gabungan pelbagai faktor yang melibatkan aspek psikologikal, sosial dan biologikal. Menurut Enrhardt dan Meyer-Bahlburg (1981) serta Money dan Ehrhardt (1972) dalam kajian David (2002), mendapati identiti jantina terbentuk ketika bayi atau kanak-kanak berusia antara 18 bulan hingga 3 tahun. Sebelum tempoh tersebut identiti jantina bayi boleh dibentuk dan dipelajari. Selepas tempoh itu, identiti jantina telah mantap dan susah diubah. Berdasarkan kajian berterusan terhadap salah seorang bayi kembar seiras yang dilahirkan sebagai lelaki biologikal.

Salah seorang dari kembar tersebut alat kelaminnya terputus ketika dikhatakan dan

atas nasihat ahli terapi, ibu bapa kepada bayi tersebut membesarluaskan anak mereka



Sebelum baligh dia diberikan rawatan hormon dan kemudiannya membesar sebagai wanita yang sihat dari segi mental dan fizikal. Kajian memperlihatkan identiti jantina boleh dibentuk dan dipelajari sejak peringkat bayi. Kajian lain menyarankan jika individu boleh mempelajari identiti jantina yang normal, adalah besar kemungkinan individu juga boleh mempelajari identiti sebaliknya. Maksudnya, transeksual boleh dipelajari dan diterima pakai dalam kehidupan walaupun dilahirkan normal sebagai lelaki. Golongan ini lazim terpengaruh dengan persekitaran untuk menjadi wanita. Bagaimanapun, akhirnya akan timbul juga naluri semula jadi untuk menjadi lelaki tulen. Kajiannya juga mendapat kumpulan yang tidak ditegah didapati



kelembutan mereka lebih mirip atau gemar bersifat kewanitaan itu berlaku secara berterusan (David, 2002).

Faktor lain KIJ bersandarkan kepada teori psikodinamik yang menjelaskan hubungan yang sangat rapat antara ibu dan anak. Perhubungan yang tidak bermakna atau konflik ibu bapa. Hal ini dijelaskan dengan peranan bapa sama ada bapa tidak ada atau si bapa tidak boleh dijadikan idola (*role model*) antara penyebab KIJ. Situasi ini menyebabkan kanak-kanak lelaki mengidentifikasi diri dengan ibu dan membawa kepada pembalikan peranan jantina. Hujah Green (1974) dalam kajian yang dilakukan oleh Asmah Bee (2006), menyatakan fenomena KIJ di kalangan lelaki



kepada wanita adalah hasil dari kegagalan anak untuk memisahkan kendiri dari ibu

Dari sudut biologi, manifestasi fenomena transeksual ini berlaku lewat dalam kehidupan seseorang dalam proses pengenalan diri tentang jantina. Pengenalan diri tentang jantina seseorang itu ialah suatu proses yang dinamik dan tertakluk kepada baka penentuan jantina. Justeru, proses pengenalan diri tentang jantina individu di bahagian otak atau minda berlaku lewat. Pengenalan tentang penetapan jantina seseorang itu hanya menjadi nyata selepas suatu masa apabila bahagian otak yang mempengaruhi penetapan satu jantina mulai berbentuk dan berfungsi. Sebagai contoh, bahagian *hypothalamus* dan *pre-optic nucleus (PON)* otak mengawal peri laku seksual dan bahagian ini lebih besar dalam otak lelaki dari otak perempuan. *Nukleus' Thesria Terminalis' (BSTc)* untuk lelaki adalah 44 peratus lebih besar daripada saiz perempuan. Kajian melalui penyaringan dengan teknik MRI menunjukkan transeksual lelaki BSTc yang terbentuk bersaiz perempuan dan begitu juga sebaliknya. Hal ini boleh menentukan sama ada *Disforia Gender* atau fenomena transeksual itu berlaku secara semula jadi dan bukan dibuat-buat oleh individu itu (Mohd Ismail Thamby, 2003).

Pada tahun 1995, pengkaji Denmark, Angier dalam laporan kajian oleh Roseliza Murni (2006), mendapati sebahagian daripada bahagian otak yang dikenali sebagai hipotalamus didapati lebih kecil dalam kalangan lelaki yang mengalami keceluaran identiti jantina berbanding lelaki biologikal yang lain. Menurutnya lagi,

saiz hipotalamus sememangnya lebih kecil bagi wanita berbanding lelaki. Hal ini menimbulkan persoalan, adakah lelaki yang mengalami kecelaruan identiti jantina memiliki hipotalamus yang seakan-akan dengan wanita?. Hipotalamus diandaikan memainkan peranan penting dalam pembentukan orientasi seksual individu sama ada sebagai heteroseksual, homoseksual ataupun biseksual.

Kajian Galdue, Green dan Hellman (1984) serta Imperato-McGinley, Peterson, Gautier dan Sturla (1979) yang dilaporkan dalam kajian Roseliza Murni (2006) menyarankan bahawa pendedahan kepada hormon tertentu seperti tahap hormon *testosterone* atau estrogen yang tinggi kepada fetus yang sedang mengalami proses perkembangan kritikal boleh "melakikan" fetus perempuan atau "mewanitakan" fetus lelaki. Ketidakseimbangan hormon pada tahap pra-natal ini boleh membawa kepada pembentukan otak yang sama ada mempunyai lebih tret kelakian atau kewanitaan. Perubahan hormon ini boleh berlaku sama ada secara semula jadi atau disebabkan oleh ubat-ubatan yang diambil oleh ibu ketika mengandung.


Dalam Islam, jantina boleh dibahagikan kepada empat kumpulan : a) lelaki; b) wanita; c) Khunsa; dan *mukhannis* atau *mukhannas*. Khunsa adalah individu yang dilahirkan dengan dua jenis alat kelamin. Islam membenarkan golongan khunsa menjalani pembedahan pembentukan semula jantina. Dengan itu individu boleh memilih sama ada ingin menjadi lelaki atau wanita berdasarkan kepada tret yang

dominan dalam diri individu. Khunsa juga merujuk kepada istilah *hermaphrodites*

 yang diguna pakai dalam dunia perubatan dan akademik (Wan Azmi, 1991)       

Mukhannis dan *mukhannas* pula adalah individu yang dilahirkan sebagai seorang lelaki tetapi mempamerkan tingkah laku seakan-akan wanita. Golongan *mukhannis* inginkan identiti jantina yang berbeza dengan keadaan fizikal yang telah dianugerahkan sejak daripada lahir. Mereka membenci identiti jantina diri dan ingin menjadi jantina yang berlawanan jenis. *Mukhannis* boleh disamakan dengan golongan transeksual. Sebaliknya, *mukhannas* pula adalah golongan lelaki 'lembut' yang tidak pula inginkan pembedahan pembentukan semula jantina. Golongan *mukhannas* pula bolehlah disamakan dengan istilah psikologi yang merujuk kepada lelaki *transvestite*

fetishism (Wan Azmi, 1991).

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

Jika diperhatikan menurut perspektif Islam, adalah jelas amalan transeksual ini amat ditegah oleh Islam. Hal ini berdasarkan kepada beberapa petikan ayat al-Quran, antaranya seperti berikut:

"Dan demi sesungguhnya, aku akan menyesatkan mereka (dari kebenaran) dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternak), lalu mereka membelah telinga binatang-binatang itu dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah dan (ingatlah) sesiapa yang mengambil Syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain daripada Allah, maka sesungguhnya rugilah dia dengan kerugian yang terang nyata..."

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  [Surah al-Nisa' ayat 119].  ptbupsi

Terdapat juga sebuah hadis yang bermaksud:



[Hadith Riwayat al-Bukhari, No. 5546].

Adalah jelas bahawa berdasarkan dalil-dalil tersebut menunjukkan betapa Islam menolak sekeras-kerasnya amalan transeksual dalam kalangan umat manusia. Pada tahun 1983, Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengisyiharkan bahawa pembedahan pembentukan semula jantina serta pemakaian-silang adalah haram dalam kalangan umat Islam.

Menurut perundangan di Malaysia, status golongan transeksual masih lagi tidak jelas. Jika diperhatikan di bawah Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan, ia menjelaskan berkaitan dengan kesamarataan semua orang di sisi undang-undang dan tidaklah boleh ada perbezaan oleh sebab agama, kaum, keturunan, tempat lahir atau jantina. Peruntukan ini menyebut “jantina” merujuk kepada perbezaan lelaki dan perempuan sahaja manakala golongan transeksual masih wujud ketidak jelasan daripada segi jantina. Ini termasuklah juga golongan khunsa (*hermaphrodit*, mempunyai dua alat kelamin lelaki dan wanita) yang tidak disebut secara jelas dalam peruntukan tersebut.

Sehingga kini, tiada satu peruntukan pun di dalam undang-undang yang mentakrifkan “lelaki” dan “perempuan”. Akta Tafsiran 1967, Seksyen 4(2) hanya

menyatakan “Mana-mana perkataan dan perbahasan yang ditujukan kepada kaum lelaki termasuklah perempuan”. Walau bagaimanapun, perkataan yang ditujukan khusus kepada perempuan tidaklah termasuk dan meliputi lelaki.

Perlu diingat bahawa kebanyakan undang-undang di Malaysia membezakan antara lelaki dan perempuan berdasarkan kepada butir-butir peribadi yang tercatat dalam surat beranak atau kad pengenalan. Sebarang pertukaran nama pada kad pengenalan adalah dibolehkan namun apabila ia melibatkan pertukaran status jantina atau agama, maka ia akan melibatkan soal bidang kuasa perundangan yang perlu diputuskan oleh Mahkamah. Golongan transeksual, boleh didakwa dengan tuduhan dibawah seksyen 21 kanun kesalahan jenayah akta 1955, atas kelakuan sumbang. Jika disabitkan kesalahan boleh didenda antara RM25 hingga RM50 (Teh, 2001).

Jika dilihat status golongan transeksual menurut perundangan Islam di Malaysia pula, ternyata ianya merupakan satu kesalahan jenayah syariah yang boleh dikenakan tindakan di Mahkamah Syariah. Semua negeri di Malaysia mempunyai beberapa peruntukan khusus melibatkan transeksual, iaitu berkaitan dengan kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan (pondan), liwat dan *musahaqah* (persetubuhan antara perempuan dengan perempuan) (Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah – Wilayah Persekutuan, 1997, Akta 559).

Malah, umat Islam di Malaysia di setiap negeri terikat dengan fatwa yang dikeluarkan oleh negeri atau Majlis Fatwa Kebangsaan (sekiranya digazetkan di negeri). Dalam hal ini, pada 1983 telah diputuskan bahawa pembedahan pertukaran jantina adalah haram daripada segi syarak. Dengan pengisytiharan ini, maka dengan sendirinya jika seseorang itu cuba untuk melakukan pertukaran jantina, perbuatan itu adalah haram dan boleh dikenakan tindakan kerana melanggar fatwa yang telah diwartakan. Sekiranya golongan transeksual ini dari kalangan Islam, mereka boleh ditahan dan dirujuk kepada Mahkamah Syariah dan boleh dikenakan tindakan denda di antara RM 800 ke RM 3000 atau dipenjarakan atau kedua-duanya sekali (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Malaysia kali ke-25, 1989).

Namun, apa yang dibimbangi fenomena lelaki lembut dan transeksual ini telah bermula sejak di alam persekolahan lagi. Fenomena lelaki lembut atau transeksual dalam kalangan pelajar ini biasanya membawa konotasi negatif dan pandangan serong dalam kalangan pelajar-pelajar normal, serta pihak pengurusan sekolah. Seringkali pelajar yang berkelakuan lembut atau transeksual ini menjadi bahan gurauan dan tidak kurang pula ejekan dan cemuhan. Penampilan mereka yang berbeza dengan pelajar normal sering kali mengundang rasa kurang selesa pihak sekolah (Azizan Baharuddin, 2012).

1.3 Pernyataan masalah

Pada umumnya, dalam kebanyakan masyarakat kanak-kanak perempuan dibesarkan dengan cara yang berbeza dengan kanak-kanak lelaki. Lazimnya, dalam masyarakat kita, jantina lelaki dan perempuan dipersepsikan secara tipikal dari segi minat, tingkah laku dan sikap. Konsep peranan jantina ini dapat dilihat dengan adanya kata-kata seperti “*budak lelaki jangan bermain dengan anak patung, itu mainan budak perempuan*”. Tingkah laku yang dipercayai sesuai hanya untuk peranan jantina perempuan atau peranan jantina lelaki dinamakan tingkah laku jenis jantina. Gender atau jantina berkait rapat dengan konsep kendiri seseorang. Konsep diri adalah gambaran berhubung sikap, kepercayaan, nilai, keinginan, tanggapan dan juga harga diri, dengan kata lain konsep kendiri adalah bagaimana seseorang melihat dirinya sendiri (Arieff Salleh, 2003). Mengetahui sama ada kita lelaki atau perempuan adalah merupakan satu perasaan identiti gender (jantina). Hal ini menunjukkan gender amat berkait rapat dengan konsep kendiri dan berdasarkan jantina seseorang itu, ia dapat membentuk identiti kendirinya (Ma’arof Redzuan, 2001).

Proses pembentukan identiti jantina yang berkait dengan konsep kendiri adalah bermula saat individu atau bayi dilahirkan sehingga ke akhir hayatnya. Identiti Jantina ini disedari oleh seseorang sejak awal kehidupannya (sejak berumur antara dua atau tiga tahun) (Azizi Yahaya, 2006).

Namun, terdapat segelintir manusia yang keliru dengan identiti jantinanya seperti lelaki lembut atau transeksual. Mereka ini dari segi biologinya mempunyai jantina yang jelas seperti lelaki atau perempuan, namun mereka membentuk kepercayaan bahawa mereka sebenarnya jantina yang lain dari biologi asalnya. Dengan kata lain mereka percaya mereka terperangkap dalam tubuh badan yang salah (David, 2002).

Sebagai seorang pelajar, konsep kendiri yang positif adalah penting. Ia amat berkait rapat dengan keyakinan dan nilai yang kita letak pada diri kita, nilai dan keyakinan ini juga selalu disebut sebagai harga diri. Harga diri adalah penilaian seseorang terhadap konsep kendirinya (Ainon Mohd, 2003).

Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa penerimaan dan perhubungan dalam keluarga dapat mempengaruhi pembentukan sikap dan perkembangan konsep kendiri lelaki lembut (Mohd Radhi, 2008). Penilaian dan mempersepsikan konsep kendiri ini kadang-kadang terbatas melalui pentafsiran laporan kendiri berdasarkan dapatan skor inventori yang bersifat kuantitatif dan mempunyai nilai-nilai terbatas. Terdapat juga responden yang kurang selesa untuk berkongsi maklumat peribadi terutama isu-isu sensitif dengan penyelidik melalui temu bual, ini jelas dari reaksi raut wajah dan kedudukan badan yang nampak agak terancam. Maka, banyak kajian terutama bidang klinikal psikologikal menggunakan ujian dan teknik projektif untuk metafsirkan personaliti dan konsep kendiri kliennya (Robert, 2004).